

## **KAFAAH: IMPAK PERBEZAAN SOSIAL TERHADAP KESEJAHTERAAN RUMAH TANGGA**

***Kafaah: Impact Of Social Differences On Household Welfare***

Nurhanisah Hadigunawan<sup>i</sup>, Rafeah Saidon<sup>ii</sup>, Mastura Razali<sup>iii</sup>, Fatin Nabilah Wahid<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Pasca Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.  
E-mel: [hanisahgunawan@gmail.com](mailto:hanisahgunawan@gmail.com)

<sup>ii</sup> Professor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.  
E-mel: [rafeahs@uitm.edu.my](mailto:rafeahs@uitm.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.  
E-mel: [mastura458@uitm.edu.my](mailto:mastura458@uitm.edu.my)

<sup>iv</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.  
E-mel: [afatinna@gmail.com](mailto:afatinna@gmail.com)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Kafaah adalah merupakan satu kaedah yang dianjurkan oleh Islam sebagai pertimbangan untuk mendapatkan pasangan hidup yang berkualiti dari apek jasmani, rohani dan material. Pemilihan pasangan yang seimbang dari aspek agama dan sosial mampu menjaga kemaslahatan dalam membina rumah tangga yang sejahtera. Perbezaan yang begitu ketara antara pasangan boleh menjadi punca atau pencetus kepada konflik rumah tangga apabila perbezaan tersebut menyukarkan suami isteri mencari titik kesepakatan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk melihat kesan perbezaan sosial terhadap kesejahteraan keluarga dengan memfokuskan kepada empat kriteria kafaah iaitu agama, pendidikan, ekonomi dan usia. Pendekatan kualitatif digunakan dengan mengumpul dan menganalisis kajian terdahulu yang membincangkan tentang kesan-kesan ketiadaan unsur keseimbangan antara pasangan. Hasil kajian mendapati walaupun isu kafaah tidak tersenarai dalam faktor-faktor berlakunya perceraian secara zahir,</i></p>	<p><i>Kafaah is a method that is organized by Islam in consideration of obtaining quality partners from physical, spiritual and material aspect. The selection of balanced couples from religious and social aspects can safeguard the benefits of building a prosperous household. The obvious difference between couples can be the cause or trigger to domestic conflict when the difference makes it difficult for the spouse to find a point of agreement in solving a problem. Hence this paper aims to see the impact of social differences on family well-being by focusing on four criteria of kafaah namely religion, education, economy and age. The qualitative approach was used by collecting and analyzing previous studies that discussed the effects of absence of an element of balance between pairs. The findings show that although the issue of kafaah is not listed in the factors of divorce by the divorce, kafaah may be indirectly causes on the occurrence of a domestic conflict as a result of the abominable gap between husband and wife in various aspects.</i></p>

<p>namun kafaah boleh menjadi penyebab secara tidak langsung kepada berlakunya konflik rumah tangga akibat wujudnya jurang perbezaan yang banyak di antara suami dan isteri dalam pelbagai aspek.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Kafaah, Perbezaan sosial, Konflik rumah tangga, Kesejahteraan keluarga</p>	<p><b>Keyword:</b> Kafaah, Social differences, Domestic Conflict, Household welfare</p>
--	---

## PENDAHULUAN

Islam telah meletakkan garis panduan yang sewajarnya dalam memilih pasangan iaitu berdasarkan konsep *kafaah* atau sekufu. Kepentingan *kafaah* dalam kehidupan berumah tangga boleh difahami menerusi beberapa penulisan ilmuwan Islam dan barat. Kajian Houts et al. (1996); Saggino et al. (2015) menunjukkan persamaan atau keserasian pasangan dari aspek sosial seperti agama, kelas sosial, bangsa, personaliti serta pendidikan mempunyai hubungan rapat dalam meningkatkan keharmonian sesebuah perkahwinan sekaligus mencapai tahap kepuasan yang tinggi.

Keserasian antara pasangan dilihat mampu memberikan pengaruh yang besar dalam membina interaksi sosial yang baik antara pasangan (Alayi et al., 2011). Menurut Sillars et al. (1984) persamaan dari aspek minat dan pemikiran membawa pada banyak perkongsian idea dan pendapat sekali gus mampu mewujudkan komunikasi yang harmoni. Selain itu, persamaan taraf juga berperanan sebagai perisai untuk mencegah dari membuka ruang untuk saling menghina status sosial antara satu sama lain (Fatimah, 2016).

Ini secara tidak langsung menunjukkan ciri keseimbangan yang banyak antara pasangan dapat mencegah dari kerap berlakunya konflik dalam rumah tangga (Christina & Matulessy, 2016; Koerner & Fitzpatrick, 2002). Perbezaan yang begitu ketara mungkin boleh menimbulkan ketidakserasan dari segi pemikiran, personaliti dan sikap sehingga sukar mencari titik persefahaman atau kata sepakat dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Dewi & Basti, 2008). Ini dibuktikan dengan statistik faktor perceraian yang berlaku di Malaysia pada hari ini.


LPPKN menerusi Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5, 2014) mendapati antara faktor utama berlakunya perceraian adalah kerana tidak wujud persefahaman iaitu sebanyak 56.2 %; yang mana faktor ini mencatatkan peratusan yang paling tinggi jika dibanding dengan faktor-faktor perceraian yang lain seperti curang (11.8%), campurtangan ipar-duai (10%) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2%). Menurut Nurhafizah et al. (2018) dan Jahroh (2012), faktor tiada persefahaman antara suami isteri boleh berlaku disebabkan oleh pasangan yang tidak sekufu. Ini kerana terdapat pasangan yang bercerai kerana memiliki jurang usia yang agak jauh,

perbezaan agama, status, pekerjaan serta warganegara. Justeru itu, kajian ini akan mengenalpasti apakah impak perbezaan sosial antara pasangan yang boleh menggugat kesejahteraan rumah tangga.

## KONSEP KESEJAHTERAAN RUMAH TANGGA

Keluarga adalah unit asas dalam sebuah masyarakat. Setiap pasangan yang berkahwin pasti mengimpikan sebuah rumah tangga atau keluarga yang sejahtera. Asas pembentukan keluarga adalah bermula dari peringkat sebelum berkahwin iaitu dengan memilih pasangan yang baik, terdapat persetujuan dan kerelaan pasangan, persediaan material dan melalui proses peminangan dan pertunangan (Jawiah, 1996). Kemudian selepas termeterainya ijab dan qabul, pembangunan keluarga sejahtera perlulah berasaskan kepada elemen-elemen yang menggabungkan iman dan amal. Elemen iman diperolehi dengan pemantapan aqidah dan pembudayaan ilmu (Nur Zahidah & Raihanah, 2013).

Manakala elemen yang perlu diamalkan dalam kehidupan berkeluarga adalah pengurusan rohani, pembudayaan ibadah yang mantap, mempunyai keselamatan fizikal, ekonomi yang kukuh, kesihatan mental, komunikasi yang berkesan dan sebagainya (Yusuf et al., 2017). Kesemua elemen ini akan mewujudkan perasaan *sakinah* (ketenangan), *al-mawaddah* (kasih sayang) dan *ar-rahmah* (belas kasihan) antara ahli keluarga (Faezah et al., 2020). Ini bertepatan dengan konsep keluarga bahagia menurut Imam al-Ghazali yang mengatakan keluarga yang bahagia dapat diwujudkan apabila ahlinya berjaya menyatukan ilmu, amal, rohani dan jasmani (al-Ghazali, 1923). Secara ringkasnya, pembentukan keluarga dalam Islam digambarkan seperti dalam rajah di bawah:



**Rajah 1:** Asas Pembentukan Keluarga Sejahtera

Berdasarkan rajah di atas, dapat difahami bahawa kesemua indikator keluarga bahagia tidak mampu dicapai sekiranya pasangan yang dipilih adalah tidak tepat. Oleh sebab itu, salah satu kaedah dalam memilih pasangan yang dianjurkan Islam ialah melalui konsep *kafaah*. Ini kerana dalam membentuk keluarga yang bahagia, kedua-dua pihak iaitu suami isteri harus memainkan peranan yang sama penting terutama pihak suami yang berperanan sebagai ketua keluarga (Izzah & Salasiah, 2018).

### KONSEP KAFAAH

*Kafaah* atau sekufu bermaksud kesamaan taraf atau kedudukan iaitu kesimbangan seorang lelaki dengan seorang perempuan dalam beberapa kriteria. Fuqaha menetapkan keseimbangan dinilai atau dituntut oleh pihak wanita dan merupakan kepentingan di pihak wanita bukannya lelaki (Zuhaily, 1985: 239). Ini bermaksud lelaki perlu mempunyai taraf yang lebih baik dari wanita atau mempunyai kriteria yang hampir sama dengannya. Sedangkan tidak disyaratkan wanita perlu sekufu dengan lelaki kerana urufnya seorang suami tidak memandang rendah pada isteri yang lebih rendah taraf berbanding dirinya (Zuhaily, 1985: 239).

Dalam Islam, fuqaha sepakat mengatakan bahawa kriteria agama adalah kriteria yang paling utama yang harus dititik beratkan dalam *kafaah*. Tetapi mereka berselisih pandangan mengenai kriteria *kafaah* yang lain. Mazhab Hanafi (Zahrah, 1950: 136-137) berpandangan terdapat enam elemen yang dinilai dalam menentukan *kafaah* antara pasangan iaitu agama, tidak fasiq, merdeka, keturunan, kekayaan dan pekerjaan. Bagi pandangan mazhab Syafie (al-Syairazi, 1959: 39-40) pula menetapkan ciri *kafaah* ialah agama, keturunan, pekerjaan dan tiada kecacatan. Pendapat mazhab Syafie ini hampir sama dengan mazhab Hanbali, namun mazhab Hanbali tidak menjadikan tiada kecacatan sebagai ciri *kafaah* dan menambah ciri yang lain iaitu kekayaan (al-Muqaddisi, 1997: 391). Manakala bagi mazhab Maliki ciri yang dinilai dalam *kafaah* hanyalah unsur agama dan ketidakcacatan fizikal sahaja (al-Qurtubi, 1983). Walaupun bagaimanapun, ulama sepakat mengatakan kriteria *kafaah* adalah berubah mengikut situasi dan pandangan semasa. Ringkasan dari pendapat ulama ini ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 1:** Kriteria *kafaah* menurut pandangan fuqaha

	Agama	Keturunan	Pekerjaan	Harta	Tiada kecacatan
<b>Hanafi</b>	✓	✓	✓	✓	-
<b>Maliki</b>	✓	-	-	-	✓
<b>Syafie</b>	✓	✓	✓	-	✓
<b>Hanbali</b>	✓	✓	✓	✓	-

Kriteria agama dilihat sebagai benteng untuk mencegah pasangan dari melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan hubungan dan kepercayaan sekaligus dapat memimpin keluarga menuju kesejahteraan (Dollahite & Lambert, 2007). Seorang lelaki yang beragama dan berakhlik mulia dapat membimbing isterinya ke jalan yang direhui Allah manakala lelaki fasiq dibimbangi membawa mudharat pada isterinya bahkan dibimbangi mempengaruhi agama dan cara hidup isteri.

Selain itu, kriteria keturunan pula dilihat pada cara hidup keluarga untuk memastikan kelangsungan pada pewaris generasi akan datang mewarisi segala ciri-ciri baik yang ada pada ibu bapa (Royani, 2013). Ini kerana pembentukan fizikal, keperibadian, kesihatan anak adalah dipengaruhi juga oleh faktor genetik. Sebagai contoh susur galur ibu bapa yang mempunyai penyakit keturunan seperti sakit mental, talasemia, buah pinggang, darah tinggi dan sebagainya, memberi potensi yang tinggi kepada anak untuk mendapat penyakit tersebut. Ini berlaku apabila ibu bapa mewariskan penyakit kepada anak melalui *gen autosomal dominan* atau *autosomal resesif* (Turco et al., 1996).

Manakala ciri pekerjaan dan harta pula dilihat memainkan peranan sebagai ukuran kemampuan seseorang untuk mengeluarkan mahar dan nafkah kepada isterinya (al-Syarbini, 1994). Seorang lelaki yang mampu untuk menyediakan nafkah mengikut kadar kemampuannya, maka lelaki tersebut termasuk dalam kategori *kafaah*.

Tiada kecacatan pula bermaksud tiada keaiban pada lelaki yang membolehkan seorang wanita meminta memfasakhkan perkahwinannya di mahkamah seperti gila, berpenyakit kusta, lemah syahwat, sopak, mati pucuk atau majbub (kemaluan terpotong) (al-Syarbini, 1994). Bagi kecacatan fizikal seperti buta, kudung sebelah tangan atau kaki pula, Miszairi dan Mustafa (2018) berpendapat kecacatan fizikal tetap dianggap sebagai kriteria *kafaah* atas faktor kecacatan ini boleh mendatangkan keaiban kepada seorang wanita yang sempurna fizikalnya.

Maka jelaslah dari ciri-ciri *kafaah* ini menunjukkan Islam tidak memandang perbezaan taraf antara manusia tetapi sebagai jaminan menjaga kemaslahatan sesebuah keluarga kerana setiap ciri yang digariskan oleh Islam mempunyai *maqasid* yang tersendiri. Walaupun *kafaah* tidaklah menjadi jaminan kepada pembinaan keluarga yang berkekalan kerana konflik rumah tangga juga boleh berlaku kepada pasangan yang sekufu. Namun begitu sekufu boleh dianggap sebagai salah satu langkah awal dalam mewujudkan persefahaman antara pasangan untuk membina rumah tangga yang sejahtera.

## KAEDAH

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan teknik analisis kandungan terhadap artikel dan kitab fiqh untuk mendapatkan data. Analisis

kandungan adalah penyelidikan yang meliputi pelbagai bidang dan banyak diaplikasikan dalam kajian-kajian terdahulu (M.N. Rashidi et al., 2014). Bengtsson (2016) mendefinisikan analisis kandungan adalah teknik penyelidikan yang membuat kesimpulan dan mengesahkan teks hasil dari penilaian dan analisis yang dilakukan. Kaedah ini juga bertujuan untuk memberikan pandangan baru, meningkatkan pemahaman penyelidik mengenai fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan secara praktikal.

Kajian ini telah mengkaji artikel komprehensif yang berkaitan dengan *kafaah* dan juga *compatibility* dalam jurnal ilmiah. Di samping itu, kitab fiqh mazhab empat tentang munakahat juga digunakan untuk menganalisis pandangan para sarjana Islam mengenai konsep *kafaah*. Semua data ini dianalisis secara konseptual untuk mengkaji kesan ketiadaan kesimbangan antara pasangan terhadap kesejahteraan keluarga.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan mengenai perbezaan sosial dalam kajian ini adalah memfokuskan kepada elemen agama, pekerjaan dan ekonomi, pendidikan serta usia. Ini kerana kebanyakan sarjana melihat keempat-empat elemen ini sebagai kriteria yang penting pada masa kini (Miszairi & Mustafa, 2018; Saggino et al., 2015)

### 1. Agama

Elemen agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kestabilan rumah tangga melalui keterlibatan pasangan secara bersama dalam aktiviti-aktiviti keagamaan (Butler et al., 2002). Ini kerana penglibatan pasangan secara bersama dapat meningkatkan komitmen atau rasa tanggungjawab terhadap pasangan dan dapat mengurangkan pertikaian yang boleh membawa pada perceraian (Aman et al., 2019; Fard et al., 2013). Ketidak seimbangan tahap perlaksanaan ibadah antara pasangan mendorong timbulnya pelbagai masalah akibat dari ketiadaan unsur *sakinah* (ketenangan) dan akhlak yang baik dalam rumah tangga (Faezah et al., 2020). Oleh kerana itu kajian Nurhanisah dan Raihanah (2016) mendapati kebanyakan pasangan yang mendapatkan khidmat kaunseling di Jabatan Agama Islam Selangor adalah terdiri dari pasangan yang tidak seiring tahap penghayatan agama antara pasangan dari aspek ibadah dan akhlak. Kajian ini mendapati terdapat isteri yang menjelaskan bahawa suami mereka tidak solat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, amat jarang membaca al-Quran, minum arak dan berjudi, sedangkan si isteri patuh melaksanakan perintah agama. Begitu juga kajian Petts dan Knoester (2007) mendapati golongan lelaki yang mempunyai tahap penghayatan agama yang rendah menunjukkan tahap kepuasan perkahwinan yang rendah.

## 2. Pekerjaan

Faktor ketidaksamaan aspek ekonomi dan pekerjaan juga menjadi pendorong pada berlakunya konflik rumah tangga. Kajian Kaukinen (2004) mendapati wanita yang melebihi lelaki dalam aspek ekonomi dan pekerjaan lebih cenderung untuk mengalami tekanan perasaan. Situasi ini berlaku kerana apabila suami tidak mampu memenuhi keperluan pasangan atas faktor kebergantungan kepada isteri dan faktor isteri melebihi dirinya dari aspek sosial, maka ini akan menyebabkan lelaki akan rasa tercabar dan demi untuk menunjukkan kewibawaan dan kejantanan, maka si suami akan melakukan penderaan emosi pada isteri mereka (Anderson, 1997). Penemuan Crowley (1998) mendapati lelaki yang sepatutnya bertanggungjawab mencari rezeki tetapi gagal berbuat demikian mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk berlaku konflik rumah tangga. Ini kerana individu yang tidak berkerja menunjukkan kadar tahap tekanan jiwa yang tinggi (Clark & Oswald, 1994). Kesemua ini membawa gambaran bahawa ketidaksamaan sosial antara pasangan boleh mencetuskan wujudnya perasaan negatif samada pada pihak isteri atau suami. Menurut kajian Nurhafizah *et al.* (2018) permasalahan rumah tangga kesan daripada pasangan yang tidak sekufu lebih banyak terjadi dalam hal pemberian nafkah kepada keluarga yang mana isu ini timbul apabila suami tidak memiliki pekerjaan atau timbulnya rasa tidak puas hati isteri terhadap pekerjaan suami. Masalah kewangan akan mencetuskan konflik dan pergaduhan antara suami dengan isteri disebabkan tekanan dan akhirnya menyebabkan wujudnya ketidaksefahaman di antara satu sama lain.

## 3. Pendidikan

Kesamaan taraf pendidikan antara pasangan memainkan peranan penting dalam keharmonian rumah tangga (Tzeng, 1992). Kajian Bumpass *et al.* (1991) mendapati kadar konflik rumah tangga adalah 35% lebih rendah jika suami mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi dan 29% lebih tinggi jika isteri lebih berpendidikan dari suami. Ini bermakna dalam kalangan pasangan yang tidak mempunyai tahap pendidikan yang sama, risiko untuk berlakunya konflik rumah tangga adalah dua kali lebih tinggi jika isteri adalah lebih berpendidikan. Ini berlaku kerana sekiranya isteri mempunyai pendidikan yang lebih tinggi, suami akan merasa kekurangan apabila tidak mampu untuk berkongsi matlamat yang sama. Situasi ini akan mendorong isteri merasakan diri lebih hebat dan akhirnya menghadapi kesukaran untuk menerima pendapat dari pihak suami (Butterworth *et al.*, 2008).

## 4. Umur

Terdapat kajian yang menunjukkan jurang umur yang terlalu berbeza juga menjadi faktor kepada berlakunya perceraian, terutamanya apabila

mempunyai perbezaan umur yang ketara. Kajian menunjukkan bahawa 23.1 peratus pasangan apabila suami lebih muda 20 tahun dari isteri akan bercerai dalam tempoh sepuluh tahun selepas perkahwinan (Janssen, 2001; Zhang et al., 2012). Lehrer (2008) mengatakan perbezaan umur ini berkaitan dengan soal kematangan individu. Lelaki selalu dikaitkan dengan kenyataan lambat matang berbeza dengan wanita. Apabila lelaki yang muda berkahwin dengan wanita yang lebih berusia yang mana telah mencapai tahap kematangan yang tinggi dan mempunyai pengalaman yang banyak, maka ini akan memberi kesan pada corak pemikiran pasangan tersebut. Selain itu juga, Nicolosi *et al.* (2004) mendapati wanita yang telah berusia 40 tahun ke atas mempunyai tahap nafsu yang lemah berbanding dengan wanita yang muda. Hal ini boleh menimbulkan masalah ketidakpuasan seksual pada suami dan kesannya boleh mengurangkan perasaan sayang dan tidak merasa bahagia (Zanariah et al., 2018). Kajian juga menunjukkan jarak umur terbaik antara pasangan ialah kurang 10 tahun dan digalakkan sekiranya suami yang lebih berusia dari isteri (Rahmani et al., 2009). Ini kerana menurut perspektif masyarakat, lelakilah yang bertanggungjawab untuk menyara keluarga dari aspek kewangan dan psikologi (Maassen van den Brink & Groot, 2002). Maka dapat disimpulkan bahawa usia mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keharmonian hidup antara suami isteri terutama kepuasan seksual dan corak pemikiran antara pasangan.

## KESIMPULAN

*Kafaah* merupakan satu usaha yang dianjurkan oleh Islam dalam pemilihan pasangan untuk mewujudkan institusi keluarga yang *sakinah, al-mawaddah* dan *ar-rahmah*. Pemilihan pasangan yang betul dan tepat dapat mewujudkan elemen-elemen positif dalam rumah tangga seperti persefahaman, kerjasama, komunikasi yang baik, bertimbang rasa dan sebagainya. Objektif utama *kafaah* bukanlah untuk membezakan taraf antara manusia namun adalah untuk menjaga kemaslahatan pasangan terutamanya pihak wanita dan walinya. Walaupun *kafaah* bukanlah faktor utama kepada berlakunya perceraian, namun ketiadaan *kafaah* boleh menjadi punca pada tercetusnya konflik dalam rumah tangga dan berkemungkinan membawa pada perceraian. Justeru, kepentingan *kafaah* tidak boleh dipandang enteng oleh masyarakat kini khususnya dengan melihat kepada realiti institusi kekeluargaan di Malaysia.

## RUJUKAN

### Buku

- al-Ghazali, A. H. M. I. M. (1923). *Mizan al-Amal*. Cet. 1. Qaherah: Muhyi al-Din Sabri al-Kurdi, h. 304-309.  
al-Muqaddisi. (1997). *al-Mughni*. Jil. 9. Cet. 3. Riyadh: Dar 'Alima al-Kutub.

- al-Qurtubi. (1983). *Bidayah al-Mujtahid wa nihayah al-Muqtasid*. Jid.2 Cet.2. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Syairazi. (1959). *al-Muhazzab*. Jil.2. Cet.2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Syarbini, M. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Janssen, J. P. G. J. (2001). *Do Opposites Attract Divorce? Dimensions of Mixed Marriage and the Risk of Divorce in the Netherlands*. The Netherlands: University of Nijmegen.
- Levinger, G., & Rands, M. (1985). Compatibility in Marriage and Other Close Relationships. In W. Ickes (Ed.), *Compatible and Incompatible Relationships*. Springer-Verlag: New York.
- Zahrah, M. A. (1950). *al-Ahwal asy-Syakhsiyah*. Cet.2. Mesir: Dar al-Fikr wa al-Arabi.
- Zuhaily, W. (1985). *Fiqih Islam wa Adillatuhu*. Jil:9. Damsyik: Dar al-Fikr.

## Jurnal

- Alayi, Z., AhmadiGatab, T., & Khamen, A. B. Z. (2011). "Relation Between Communication Skills and Marital-Adaptability Among University Students". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30: 1959–1963.
- Aman, J., Abbas, J., Nurunnabi, M., & Bano, S. (2019). "The Relationship of Religiosity and Marital Satisfaction: The Role of Religious Commitment and Practices on Marital Satisfaction Among Pakistani Respondents". *Behavioral Sciences*, 9(30): 1–13.
- Anderson, K. L. (1997). "Gender, Status, and Domestic Violence: An Integration of Feminist and Family Violence Approaches". *Journal of Marriage and Family*, 59(3): 655–669.
- Bengtsson, M. (2016). "How to Plan and Perform A Qualitative Study Using Content Analysis". *NursingPlus Open*, 2: 8–14.
- Bumpass, L. L., Martin, T. C., & Sweet, J. A. (1991). "The Impact of Family Background and Early Marital Factors on Marital Disruption". *Journal of Family Issues*, 12(1): 22–42.
- Butler, M. H., Stout, J. A., & Gardner, B. C. (2002). "Prayer as a Conflict Resolution Ritual: Clinical Implications of Religious Couples' Report of Relationship Softening, Healing Perspective, and Change Responsibility". *American Journal of Family Therapy*, 30(1): 19–37.
- Butterworth, P., Berry, H. L., Oz, T., & Rodgers, B. (2008). "Factors Associated with Relationship Dissolution of Australian Families with Children". In *Social Policy Research Paper*.
- Christina, D., & Matulessy, A. (2016). "Penyesuaian Perkawinan, Subjective Well Being dan Konflik Perkawinan". *Persona: Jurnal Psikologi Indonesia*, 5(1): 1–14.
- Clark, A. E., & Oswald, A. J. (1994). "Unhappiness and Unemployment". *The*

- Economic Journal, 104(424): 648–659.
- Covington, W. G., & JR., P. (2012). "Gender, Psychological Resilience, Acculturation and Spirituality As Predictors of Asian Indian American Marital Satisfaction". *Journal of spirituality in mental health*, 10(1): 35-52.
- Crowley, M. S. (1998). "Men's Self-Perceived Adequacy as The Family Breadwinner: Implications for Their Psychological, Marital, and Work-Family Well-Being". *Journal of Family and Economic Issues*, 19(1): 7–23.
- Dewi, E. M. P., & Basti, B. (2008). "Konflik Perkawinan dan Model Penyelesaian Konflik pada Pasangan Suami Isteri". *Jurnal Ilmiah Psikologi Gunadarma*, 2(1): 42–51.
- Dollahite, D. C., & Lambert, N. M. (2007). "Forsaking all others: How religious involvement promotes marital fidelity in Christian, Jewish, and Muslim couples". *Review of Religious Research*, 48(3): 290–307.
- Faezah, N. M., Raihanah, A., & Bahiyah, A. (2020). "Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur". *Jurnal Syariah*, 1(28): 81–104.
- Fard, M. K., Shahabi, R., & Zardkhaneh, S. A. (2013). "Religiosity and Marital Satisfaction". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 82(3): 307–311.
- Hewitt, B., Baxter, J., & Western, M. (2005). "Marriage Breakdown in Australia: The Social Correlates of Separation and Divorce". *Journal of Sociology*, 41(2): 163–183.
- Houts, R. M., Robins, E., & Huston, T. L. (1996). "Compatibility and The Development of Premarital Relationships". *Journal of Marriage and the Family*, 58(1): 7–20.
- Izzah, N. A. Z. R., & Salasiah, H. H. (2018). "Personaliti Bapa Menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya dalam Keluarga". *Islamiyyat : The International Journal of Islamic Studies*, 40(1): 61–69.
- Jahroh, S. (2012). "Reinterpretasi Prinsip Kafaah Sebagai Nilai Dasar dalam Pola Relasi Suami Isteri". *Al-Ahwal*, 5(2): 57–92.
- Jawiah, D. (1996). "Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah". *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 17: 3–18.
- Kaukinen, C. (2004). "Status Compatibility, Physical Violence, And Emotional Abuse in Intimate Relationships". *Journal of Marriage and Family*, 66(2): 452–471.
- Koerner, A., & Fitzpatrick, M. A. (2002). "Nonverbal Communication and Marital Adjustment and Satisfaction: The Role of Decoding Relationship Relevant and Relationship Irrelevant Affect". *Communication Monographs*, 69(1): 33–51.
- Lehrer, E. L. (2008). "Age at marriage and marital instability: revisiting the Becker-Landes-Michael hypothesis". *Journal of Population Economics*, 21: 463–484.
- M.N. Rashidi et.al. (2014). "Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai

- Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari". *Journal of Advanced Research*: 18–27.
- Maassen van den Brink, H., & Groot, W. (2002). "Age and Education Differences and Their Effects on Life Satisfaction". *Journal of Happiness Studies*, 3: 153–165.
- Miszairi, S., & Mustafa, M. J. @Shamsuddin. (2018). "Pensyaratkan Kafaah di dalam Akad Nikah dan Amalannya di dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia". M. K. U. I. Melaka (Ed.), *Konvensyen Serantau Pengajian Islam Regional Convention on Islamic Studies (Rcis 2018) Peringkat Antarabangsa Siri Ke-4* (pp. 52–69).
- Nicolosi, A., Moreira, E. D., Villa, M., & Glasser, D. B. (2004). "A population study of the association between sexual function, sexual satisfaction and depressive symptoms in men". *Journal of Affective Disorders*, 82(2): 235–243.
- Nock, S. L. (2001). "The Marriages of Equally Dependent Spouses". *Journal of Family Issues*, 22(6): 756–777.
- Nur Zahidah, J., & Raihanah, A. (2013). "Model Keluarga Bahagia Menurut Islam". *Jurnal Fiqh*, 8: 25–44.
- Nurhafizah, I., Norhusair, M. H., & Raihanah, A. (2018). "Analisis Persepsi Pihak Berkuasa Agama Terhadap Permasalahan Kufu dalam Perkahwinan Masyarakat Melayu Negara Brunei Darussalam". *Jurnal Melayu*, 12(1): 124–143.
- Nurhanisah, H., & Raihanah, A. (2016). "Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undangundang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor". *Jurnal Syariah*, 24(3): 393–422.
- Petts, R. J., & Knoester, C. (2007). "Parents' Religious Heterogamy and Children's Well-Being". *Journal for the Scientific Study of Religion*, 46(3): 373–389.
- Rahmani, A., Khoei, E. M., & Gholi, L. A. (2009). "Sexual Satisfaction and Its Relation to Marital Happiness in Iranians". *Iranian Journal of Public Health*, 38(4): 77–82.
- Royani, A. (2013). "Kafaah dalam Perkawinan Islam (Tela'ah Kesederajatan Agama dan Sosial)". *Al-Ahwal*, 5(1): 103–120.
- Saggino, A., Martino, M., Balsamo, M., Carlucci, L., Ebisch, S., Innamorati, M., Picconi, L., Romanelli, R., Sergi, M. R., & Tommasi, M. (2015). "Compatibility Quotient and Its Relationship with Marital Satisfaction and Personality Traits in Italian Married Couples". *Sexual and Relationship Therapy*, 31(1): 83–94.
- Sillars, A. L., Pike, G. R., Jones, T. S., & Murphy, M. A. (1984). "Communication and Understanding in Marriage". *Human Communication Research*, 10(3): 317–350.

- Turco, A. E., Clementi, M., Rossetti, S., Tenconi, R., & Pignatti, P. F. (1996). "An Italian Family with Autosomal Dominant Polycystic Kidney Disease Unlinked to Either the PKD1 or PKD2 Gene". *American Journal of Kidney Diseases*, 28(5): 759–761.
- Tzeng, M.-S. (1992). "The Effects of Socioeconomic Heterogamy and Changes on Marital Dissolution for First Marriages". *Journal of Marriage and the Family*, 54(3): 609–619.
- Yusuf, W. M. W. C., Ali, Abdul Wahab, M. A., Zulkifli, M., Faizal, A. R., & Farah, S. M. G. (2017). "Pembinaan Keluarga Sejahtera: Analisis Terhadap Prinsip Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera' Dalam Transformasi Terengganu Baharu". *Journal of Nusantara Studies*, 2(2): 306–318.
- Zanariah, D., Azizah, Mohd Rapini Hammad, D., & Zaini Yusnita, Mat Jusoh Nur Zulfah, M. A. (2018). "Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor". *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018, September*: 302–311.
- Zhang, H., Ho, P. S. Y., & Yip, P. S. F. (2012). "Does Similarity Breed Marital and Sexual Satisfaction?" *Journal of Sex Research*, 49(6): 583–593.

#### **Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.